


<http://www.mudah.my/1kedai-dotcom>  id="Image2_img" src="http://1.bp.blogspot.com/-6LIJRr5Rz6E/V3jD3WIhxOI/AAAAAAAAAESk/n9iF_qWigA4LR-75-9hRFRn6W7FY1fF7gCK4B/s1600/Mudahdotmy_Long.gif" data-bbox="71 128 925 162"/> width="488" height="39"/>


Mari kita runtuangkan setakat manakah kebenaran idea barat tentang teknologi merentas masa. Apakah pendirian kita sebagai muslim ?

 mce_src="images/Image_1Kedai/Artikel/mesin%20masa0.jpg" data-bbox="71 218 905 235"/> width="500" height="281"/>

Suatu masa dahulu ramai menggemari filem barat tentang pengembaraan merentas masa seperti Time Tunnel, Stargate, Back to the future dan banyak lagi. Kini tidak lagi bila menyedari perlunya kembali merujuk iktikad kita kepada Al-Quran sebagai sumber. Saya sememangnya peminat Discovery Channel Astro yang sering membincangkan teori penjelajahan masa yang membingungkan dan penuh paradoks. Entah kenapa dunia perfileman barat amat beriya-nya mempromosikan filem yang bercorak **merentas masa**. Mereka cuba mengakademikkan angan-angan dengan mencipta pelbagai teori matematik dan fizik. Maka muncullah formula-formula palsu untuk mencipta mesin merentas masa.

Konsep Einstein dalam Teori Relativiti Dunia kajian merentas masa dari pandangan barat dikatakan dipelopori oleh profesor Yahudi bernama Albert Einstein. Profesor ini dalam kajian-kajian awalnya mengatakan masa boleh direntas sekiranya kita dapat menjumpai ruang masa ini.

Menurut pakar fizik dan astronomi, John Wheeler, Wormhole atau lubang cacing adalah sejenis ruang perjalanan pintas ke arah tempat yang jauh dan masa. Melalui wormhole, manusia dapat pergi ke satu generasi ke generasi yang lain dalam jarak masa yang singkat.

 src="images/Image_1Kedai/Artikel/mesin%20masa.jpg" data-bbox="71 505 565 522"/> mce_src="images/Image_1Kedai/Artikel/mesin%20masa.jpg" data-bbox="71 525 895 542"/> width="500" height="284"/>

Manusia juga dapat memilih tarikh, tahun dan tempoh yang dikehendaki untuk pergi ke sana dengan bebas tanpa sebarang gangguan dan sekatan.

Antara filem yang paling mempengaruhi pemikiran masyarakat dunia tentang time travel ialah Back to the Future. Kebijakan seorang profesor yang berimej rambut ala Einstein telah berjaya membantu seorang remaja kembali ke masa lampau.

Namun begitu, John Wheeler yang sudah membangunkan teori Wormhole sejak 1957 sendiri tidak mampu memberikan bukti-bukti kukuh untuk menyakinkan masyarakat tentang kemampuan merentas masa.

Wheeler sendiri kelihatan banyak meniplak idea-idea Hermann Weyl dari Jerman yang sudah pun berteori tentang wormhole sejak 1921.

Keghairahan Dunia Akademik Dalam Isu Merentas Masa Merentas masa adalah satu angan-angan yang cuba direalisasikan oleh dunia akademik barat. Ringkas kata, Dajjal memang tahu ianya tidak akan berlaku tetapi ia mahu masyarakat dunia berusaha ke arah angan-angan kosong yang tidak akan berlaku sehingga kiamat.

Jikapun Allah mengizinkan ada mesin yang mampu merentas masa, maka orang yang paling bermasalah ialah Dajjal itu sendiri. Apakah mungkin syekh-syekh Arab sanggup mengeluarkan wang beratus-ratus billion dollar untuk melancong dengan mesin tersebut ?

Jika ada orang Islam yang mempunyai mesin masa, sudah pastilah Dajjal akan menghadapi masalah paling besar kerana 10 tahun dari sekarang kemungkinan besar teori bahawa Samiri yang disebut dalam surah Toha adalah Dajjal mungkin sudah banyak terima pakai.

Kefanatikan golongan fizik lebih kelihatan fanatik apabila suatu pendekatan fungsi fizik diperkenalkan iaitu Wormhole Metric. Secara pokoknya, masyarakat cuba diberitahu bahawa merentas masa itu boleh dilakukan jika pengiraannya betul

dan formulanya tepat. Maka disebabkan itu, seringkali kita dihidangkan dengan filem-filem merentas masa yang akan mempamerkan seseorang saintis membuat pengiraan matematik fizik di buku notanya.

Tinggalkan Yang Sia-Sia, Kejar Yang Tersedia

Apakah peranan umat Islam dalam isu time travel ini? Tidak lain tidak bukan ialah jangan membuang masa untuk mencipta mesin merentas masa kerana mesin itu memang mudah dicipta tetapi ia tidak mampu pun bergerak. Satu perkara yang perlu pakar-pakar fizik Muslim menyibukkan diri adalah berkaitan dengan mencari pendekatan fizik untuk melajukan pergerakan objek dalam period masa yang sama. Pakar-pakar fizik Muslim perlu mencontohi usaha Prof Dr. Yahaya Said al-Mahjari. Walaupun sekadar teori, usahanya bukanlah untuk mencari bagaimana untuk merentas masa, tetapi ia mencari bagaimana menggerakkan suatu objek ke tempat yang jauh tanpa sebarang pengangkutan seperti yang dilakukan Asif bin Barqiya. Usaha sebegitu tidak terkeluar dan terlanggar persoalan keimanan kepada qada dan qadar Allah. Wallahu^{al}alam^u

Apabila teori Samiri adalah Dajjal diterima pakai, maka lebih baiklah orang Islam pergi berjumpa dengan Samiri yang mengikut rombongan Bani Israel merentas Laut Merah dan membunuhnya terus. Mungkin itulah yang paling banyak akan berlaku. Masalahnya, masyarakat Islam tidak mahu menerima hakikat dan masih seronok berteori dengan Teori Relativiti ciptaan Albert Einstein itu. Amat menghairankan



Bukti Mesin Merentas Masa Tidak Akan Tercipta

Bukti 1 : Peringatan Rasulullah

Terdapat banyak bukti yang menunjukkan manusia tidak dibenarkan atau diizinkan merentas masa lampau (past) dan pergi ke masa hadapan (future).

Persoalan perkara yang lepas (past), sememangnya wajib diimani bahawa kita tidak boleh lagi kembali ke masa tersebut. Sabda Rasulullah SAW;

◆ Rebutlah peluang lima sebelum lima; masa muda sebelum tiba masa tua. Masa sihat sebelum tiba masa sakit. Masa lapang sebelum tiba masa sibuk. Masa kaya sebelum tiba masa miskin. Masa hidup sebelum tiba mati.

◆ Jika masa itu boleh berpatah balik maka tak perlulah Rasulullah SAW bersabda seperti di atas. Adalah lebih baik baginda mengatakan ◆◆ kembalilah kamu ke masa lampau untuk memperbetul kesilapan.

◆ Baginda Rasulullah SAW yang maksum dan penghulu segala nabi sendiri tidak diberikan kelebihan merentasi masa, inikan pula kita manusia biasa yang penuh dengan noda. Hadith di atas jelas menunjukkan ketegasan Rasulullah mengenai masa.

◆ Ia bermakna, seseorang hamba Allah tidak akan dapat mengembalikan waktu-waktu yang telah lepas. Setiap waktu dan saat yang dianugerahkan Allah untuk dilaluinya adalah amat berharga.

Bukti 2 : Peringatan Allah dalam Al-Quran

Di dalam ayat Al-Quran, Allah SWT menegaskan dengan jelas berkenaan masa;

◆ Demi masa, sesungguhnya manusia itu di dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta pula berpesan-pesan dengan kesabaran. (Al-Asr, 1-2)

Nah, keseluruhan surah ini sudah tepat untuk membalas semua hujah ahli-ahli fizik seluruh dunia yang cuba memperkenalkan teori merentas masa. Tidak perlulah lagi bagi kami menghurai panjang akan ia.

Bukti 3 : Merentas masa menyalahi konsep taubat

Bukti ke 3 yang menunjukkan mesin merentas masa tidak akan tercipta ialah kerana ia membelakangi konsep taubat. Islam menyuruh umatnya sentiasa bertaubat bukan sahaja kerana dosa tetapi kerana masa tidak boleh berpatah balik.

◆ Konsep taubat ini wujud kerana semua umat Islam harus meyakini bahawa kita tidak boleh

kembali ke masa lalu untuk membetulkan semula kesilapan lampau.

Setiap umat Islam disarankan memperbanyakkan taubat tanpa menunggu dosa itu wujud. Ini berdasarkan firman Allah SWT;

<i> ♦ Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat dan orang-orang yang banyak mensucikan diri.

(al-Baqarah, 222)</i>

Firman Allah lagi;

 <i> ♦ Dan bertaubatlah kamu kepada Allah, wahai sekalian orang-orang Mukmin, semoga kamu mendapat kebenaran.

(an-Nur, 31)</i>

Allah telah memberi amaran kepada usaha sia-sia manusia ini dengan mendedahkan bahawa semua urusan peribadi manusia dan takdir masa depannya sudah pun tertulis di dalam Lauh Mahfudz. Allah sudah pun menetapkan bagaimanakah nasib setiap hamba ciptaan-Nya.</p><hr><p>Jika sekiranya kalian ingin mengumpul saham akhirat, sampaikanlah ilmu ini kepada sahabat♦ yang lain. Sepertimana sabda Rasulullah SAW: ? Sampaikanlah pesananku walaupun satu ayat. ? Sesungguhnya apabila matinya seseorang anak Adam itu, hanya 3 perkara yang akan dibawanya bersama :
</p>Sedekah/amal jariahnya.Doa anak♦nya yang soleh.Ilmu yang bermanfaat yang disampaikannya kepada orang lain.<p>BERSEDIAKAH KITA JIKA BERLAKUNYA ESOK? DENGAN AMALAN YANG TERAMAT SEDIKIT. BAGAIMANA UNTUK KITA MENJAWAB TENTANG AMALAN2 YG TELAH DILAKUKAN ? Saya hamba yang kerdil dan iman yang lemah. Pagi tadi mengasihi Allah, petang nanti terleka dengan pujukan nafsu dan derhaka kepada Allah. Ini saja daya yang boleh saya lakukan untuk memberatkan timbalaan pahalaku nanti. Kita bakal hadir di suatu padang bernama Masyar nanti. Pasti..!!
</p><p><i>Si Kerdil - Ruzlan bin Ab.Rahman -</i>
</p><p>www.1kedai.com</i></p><hr><p><u>Rayuan admin 1Kedai</u> Jika anda tidak keberatan, harap dapat 'FORWARD'kan ilmu yang bermanfaat ini sebagai satu lagi amalan kebaikan kepada teman-teman atau insan yang anda kasihi kerana:
 "Sebaik-baik manusia itu adalah mereka yang memberi manafa'at kepada manusia yang lain"..<i>Buatkan satu amalan mudah anda. Hanya klik butang di bucu atas halaman ini: </i></p><p>
<i><i>mg alt="Kembali ke koleksi utama artikel" src="http://www.1kedai.com/kedai/images/Image_1Kedai/Artikel/butang%20kembali.jpg" mce_src="images/Image_1Kedai/Artikel/butang%20kembali.jpg" width="493" height="300"></i></p><p>
</p>